

14 MAY 1996
Mahathir-Bas
MAHATHIR PANDU BAS DI TOKYO

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 14 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempamerkan kebolehannya memandu dengan memandu uji sebuah bas besar dengan cekap di sekeliling litar uji di kilang pembuatan trak Isuzu Motors dekat sini hari ini.

Dan Perdana Menteri Malaysia itu tidak berhenti di situ sahaja.

Selepas meletakkan bas yang mempunyai 57 tempat duduk itu dengan cekap, beliau menaiki pula sebuah trailer seberat 25 tan dan memandunya mengelilingi litar uji sejauh tiga kilometer itu yang bercerun dan berselekoh dengan presiden Hicom Holdings Bhd Datuk Yahaya Ahmad bertindak sebagai "kelindan".

"Saya agak saya boleh lulus sebagai seorang pemandu bas," kata Dr Mahathir tersenyum sekembalinya selepas menguji kenderaan ketiga, sebuah wagon serbaguna.

Seorang pegawai Malaysia, yang turut berada dalam bas itu, berkata Perdana Menteri memandu selaju 90 km sejam.

Beliau memberhentikan ketiga-tiga kenderaan itu di tempat yang sama di mana ia diletakkan sebaris yang mengandungi 19 kenderaan komersil keluaran terbaru Isuzu yang dipamerkan di kilang Fujisawa, selatan dari sini.

Kecekapannya memandu mendapat tepukan daripada pekerja-pekerja Jepun dan pegawai Malaysia yang hadir, termasuk wartawan.

"Kenderaan itu bukan jenis automatik. Beliau terpaksa menggunakan gear," kata seorang pekerja Isuzu sambil menunjuk ke arah bas itu.

Bagaimanapun, rakyat Malaysia di tanahair tidak berpeluang menyaksikan peristiwa itu kerana krew RTM dan TV3 tidak dibenar merakamkannya disebabkan ciptaan terbaru yang dipamerkan itu masih dirahsiakan daripada umum.

Dr Mahathir, yang memulakan lawatan kerja enam hari di sini Isnin, meninjau kilang itu dan beliau juga menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman bagi projek trak nasional Malaysia yang pertama antara Isuzu, Hicom dan syarikat dalam kumpulan yang sama, Diversified Resources Bhd. -- BERNAMA

TCL AKD